

NO. SOALAN: 79

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 18 MEI 2016

RUJUKAN : 8986

SOALAN:

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah usaha Kerajaan dalam mengambil tindakan terhadap golongan yang menjadi pengedar, penyeludup dan penjual dadah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penyalahgunaan dadah masih merupakan musuh utama negara kerana implikasinya boleh merosakkan modal insan dan membawa kemudaran yang besar serta boleh menghancurkan keharmonian negara termasuk institusi kekeluargaan itu sendiri. Penglibatan dalam pengambilan dadah juga boleh dikaitkan dengan peningkatan kadar pengangguran dalam negara kerana mereka yang terlibat dengan dadah tidak lagi mempunyai daya saing untuk bekerja dengan tekun dan sukar untuk diterima bekerja oleh majikan.

Bagi membanteras masalah pengedaran dan penyeludupan dadah, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan bagi mengesan dan menangkap serta mengambil tindakan undang-undang ke atas individu atau sindiket pengedaran dadah melalui strategi berikut:-

- a) Memperluaskan jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa dan tempatan dalam berkongsi maklumat risikan serta menjalankan operasi bersama;**

- b) Mempergiatkan tindakan penguatkuasaan oleh *Special Tactical Intelligence Narcotics Group* (STING) untuk membanteras *drug kingpin* serta sindiket pengedaran dadah berskala besar;**

- c) Memperkasakan Unit Risikan Sempadan dengan menubuhkan dua unit baharu di Rantau Panjang, Kelantan dan Pengkalan Hulu, Perak. Selain itu, kekuatan pegawai dan anggota turut dipertingkatkan di unit sedia ada yang terletak di Jitra, Kedah;**

- d) Memperkasakan penguatkuasaan dan pemantauan di sempadan dengan menempatkan Unit Teknikal Imbasan Kenderaan (UTIK);**

- e) Mengambil tindakan pencegahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ke atas *drug kingpin* dan individu yang menjadi dalang kegiatan pengedaran dadah; dan**

- f) Melumpuhkan sumber kewangan individu atau sindiket pengedaran dadah melalui penyitaan harta di bawah Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988.**